

02 MAC 2021 (SELASA)

14 ceriakan belakang lorong

Kuantan: Terpilih dan diberi tanggungjawab menceriakan lorong belakang bangunan menghubungkan antara Jalan Mahkota dan Jalan Besar di sini, dengan lukisan mural membangkitkan rasa teruja dalam kalangan 14 pelukis tempatan.

Mereka berusia 24 hingga 50 tahun menyifatkan kepercayaan diberi memberi inspirasi dalam berkarya terutama daripada segi menghasilkan lukisan yang cantik dan menarik.

Ketua kumpulan pelukis itu, Mohammad Amir Farouk berkata, gabungan idea mereka mampu memberikan karya menarik pada dinding bangunan berkenaan.

Katanya, pihaknya berterima kasih kepada Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) khususnya Datuk Bandar, Datuk Hamdan Hussin yang memberi sokongan kepada pelukis terutama anak tempatan Kuantan.

"Dengan mengutamakan anak tempatan dan gabungan idea secara membantu menghasilkan lu-



ANTARA lukisan disiapkan pelukis di lorong belakang bangunan antara Jalan Mahkota dan Jalan Besar.

kisan mural sinonim dengan Kuantan.

"Kami menghargai komitmen dan kerjasama Datuk Bandar," katanya.

Ditanya jumlah lukisan mural akan dipaparkan kepada pengunjung, Mohammad Amir berkata, 34 lukisan akan menjadi daya tarikan baharu.

Katanya, setakat ini, lebih 15 lukisan siap manakala bakinya dijangka selesai pada April depan.

"Sebenarnya, projek bermula Disember ta-

hun lalu dan memerlukan tempoh 10 minggu disiapkan. Namun disebabkan faktor cuaca terutama musim tengkujuh, ia sedikit terlewat.

"Sebaik projek ini selesai nanti, lorong ini akan menjadi daya tarikan kerana pengunjung boleh bergambar dan berswafo-to sebagai kenangan.

"Sebanyak 34 lukisan mural dihasilkan membatikan laluan 200 meter sebagai tarikan pelancongan sempena Kuantan dimashyurkan sebagai bandar raya," katanya.



MOHAMMAD Amir